

Usaha tarik minat OKU sertai tenis

S.H 19/06/08 MS 13

Program ini diadakan bersama artis kerana mereka mempunyai karisma tersendiri dan mampu menarik perhatian pelbagai golongan masyarakat.

■ ASMALIZA MANSOR

JALAN DUTA - Bagi mempromosi dan memberikan pendedahan kepada masyarakat tentang sukan tenis berkerusi roda, Lime Events Management menganjurkan 'Wheelchair Tennis Malaysia Bersama Artis' di Pusat Tenis Kebangsaan, di sini, Sabtu lalu.

Presiden Persatuan Wheelchair Tennis Malaysia, Datuk Zakaria Musa berkata, selain memberikan pendedahan kepada orang ramai, program itu juga diadakan untuk menarik minat lebih ramai orang kurang



ZAKARIA MUSA

upaya (OKU) yang berkerusi roda untuk menyertai sukan tenis, seterusnya menjadi ahli persatuan terbabit.

"Program ini diadakan bersama artis kerana mereka mempunyai karisma tersendiri dan mampu menarik perhatian pelbagai golongan masyarakat. Justeru ia sedikit sebanyak membantu mempromosikan Persatuan



Tetamu kehormat, Skuad Cakna Rovers, artis dan ahli Persatuan Tennis Wheelchair Malaysia bergambar kenangan.

Wheelchair Tennis Malaysia," jelasnya kepada **Sinar Harian** ketika ditemui selepas majlis tersebut.

Beliau berkata, sambutan terhadap program itu yang diterima daripada orang ramai adalah menggalakkan dan beliau merancang untuk mengadakan program itu setiap tahun.

Setakat ini, katanya

Persatuan Wheelchair Tennis Malaysia mempunyai keahlian seramai 60 orang seluruh Malaysia dan beliau masih mengalu-alukan lebih ramai penyertaan bagi merealisasikan matlamat melahirkan ramai pemain tenis berkerusi roda bertaraf dunia.

Zakaria yang merupakan satu-satunya atlet tunggal tenis

dari Malaysia yang menyertai sukan Olimpik di Athens pada 2004 berkata, persatuan itu menasaskan jumlah ahli seramai 100 orang.

Pada majlis itu juga, Persatuan Wheelchair Tennis Malaysia turut menerima plak 'Aktifkan Komuniti Anda' yang disampaikan oleh anggota Skuad Cakna Rovers Sinar

Harian.

Mengulas mengenai penganugerahan itu, Zakaria menyatakan beliau berasa sungguh terharu dengan penghargaan yang diberikan Sinar Harian itu dan menganggap ia sebagai galakan serta 'pembakar semangat' untuk terus memajukan sukan tenis berkerusi roda di Malaysia.